

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3(37)
Tarikh : 11 Oktober 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**BULETIN MAKLUMAN PENGECUALIAN PENYERAHAN PENYATA PENYESUAIAN
BAKI ASET ALIH (PPAA) SECARA SUKUAN BAGI SUKUAN KETIGA TAHUN 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, semua PTJ di seluruh Malaysia umumnya dan PTJ di bawah JANM Perak khususnya **diberi pengecualian untuk tidak melaksanakan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih Bagi Sukuan Ketiga Tahun 2021**. Ini bermaksud, kesemua pihak PTJ, JANM Negeri dan Cawangan serta Kementerian tidak perlu menyediakan dan menghantar PPAA sukuan ketiga ini.

3. Walaubagaimanapun, PTJ masih perlu menyediakan dan menghantar PPAA Sukuan Ketiga Tahun 2021 mengikut tarikh yang ditetapkan jika terdapat permintaan atau arahan dari Bahagian Akaun Kementerian masing-masing. Unit kami akan memaklumkan secara emel atau *whatsapp* dari masa ke semasa.

4. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Pengurusan Aset JANM Perak secara emel di alamat aset_prk@anm.gov.my. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

**UNIT PENGURUSAN ASET
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**